



Nestlé Good food, Good life

## Press Release

Sabah, 26 May 2026

### **Seramai 9,000 Pencinta MILO® Bersemangat Memeriahkan Pembukaan MILO® Malaysia Breakfast Day 2026 di Sabah**

Menghimpunkan komuniti daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam menyemarakkan amalan gaya hidup aktif, sihat dan penuh bertenaga.

**Sabah, 25 Mei 2026** – MILO® Malaysia Breakfast Day 2026 membuka tirainya dengan penuh meriah di Padang Merdeka, Sabah, dengan penyertaan kira-kira 9,000 pencinta MILO® dalam suasana pagi yang cukup aktif dan bertenaga. Dianjurkan oleh MILO® Malaysia, program ini bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat melalui pengambilan sarapan yang berkhasiat dan menjadikan amalan ini sebagai rutin harian. Peserta daripada pelbagai peringkat umur dan latar belakang hadir seawal subuh untuk menyertai larian sejauh 3 kilometer yang bermula pada jam 6.30 pagi.

**Dato' Sri Dr. Anil Sandhu, Pembantu Menteri Pembangunan Belia, Kemajuan Sukan dan Industri Kreatif Sabah**, berkata, "Kami amat menghargai komitmen jangka panjang MILO® dalam menyokong pembangunan sukan komuniti tempatan di Sabah menerusi pelbagai inisiatif seperti Karnival Sukan Sekolah Pedalaman, MILO® Hidup Bola dan Rayzam Shah Athletic Club. Hari ini, saya juga berbesar hati kerana diberi peluang untuk turut serta melepaskan peserta MILO® Malaysia Breakfast Day 2026. Saya sangat gembira melihat begitu ramai keluarga hadir bersama-sama pada pagi ini. Sebagaimana umum tahu, MILO® memang dekat di hati masyarakat sebagai minuman yang bukan sahaja memberi tenaga, tetapi juga menyokong gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan komuniti."

**Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu**, berkongsi, "MILO® sudah lama mempunyai tempat yang sangat istimewa di hati rakyat Sabah, bukan sekadar sebagai minuman berkhasiat untuk sarapan, tetapi juga sebagai jenama yang menemani kita membesar sejak zaman persekolahan. Justeru, kami amat mengalu-alukan penganjuran MILO® Malaysia Breakfast Day di Kota Kinabalu, Sabah. Program seperti ini pastinya dapat menggalakkan masyarakat Sabah daripada pelbagai peringkat umur untuk memulakan hari dengan cara yang sihat serta mengamalkan gaya hidup aktif."

Sebahagian daripada peserta berkongsi kisah peribadi dan kenangan mereka bersama MILO®. "Kesemua 30 ahli keluarga kami, termasuk ibu bapa dan sepupu, hadir ke acara ini dengan penuh semangat dan sanggup bermalam semata-mata untuk bangun awal dan merasai sendiri kemeriahan acara larian ini. Kami sanggup menempuh perjalanan sejauh 40 kilometer dari Papar untuk menyertai acara ini di Kota Kinabalu. Yang penting, ia bukan sekadar tentang jarak, tetapi pengalaman bermakna bersama keluarga, selain menjadi kenangan yang istimewa kepada kami kerana dapat meluangkan masa bersama. MILO® telah menjadi sebahagian daripada hidup saya sejak kecil lagi, terutamanya ketika zaman persekolahan. Jadi, terima kasih MILO® kerana terus menginspirasi gaya hidup yang sihat dan mencipta kenangan yang amat bermakna buat kami sekeluarga," kata Afiqah Daid, 24 tahun.

"Bagi kami, usia bukan penghalang untuk terus aktif. Sejak tahun 2007, kami sering menyertai acara larian MILO® kerana ia merupakan pengalaman yang amat bermakna setiap kali kami mengambil bahagian. Melihat masyarakat daripada pelbagai peringkat umur berkumpul dengan penuh

semangat turut memberi inspirasi kepada kami. Kami juga berharap penyertaan kami dapat memberi impak positif kepada orang lain, khususnya warga emas untuk terus bergerak aktif dan mengamalkan gaya hidup sihat," kata Annie Chung Sheu Keng, 57 tahun yang menyertai larian bersama suaminya, Yong Yun Fah, 61 tahun.

Selain larian, para pencinta MILO® juga dapat menikmati pelbagai permainan mini seperti cabaran yang menguji kecergasan dan aktiviti interaktif sepanjang acara berlangsung. Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Siti Asfadhilah Abdullah, 25 tahun yang pertama kali menyertai acara ini bersama rakan-rakannya, turut berkongsi bahawa MILO® Malaysia Breakfast Day Fun Run merupakan satu acara yang memberikan pengalaman yang cukup bermakna dan menyeronokkan. "Kami gemar aktiviti yang dapat menyatukan pelbagai lapisan masyarakat dan acara ini bukan sekadar larian santai, tetapi turut mengeratkan persahabatan, menyemarakkan semangat positif serta menggalakkan gaya hidup aktif melalui pelbagai aktiviti fizikal yang menarik untuk semua," katanya.

Kemunculan trak ikonik MILO® turut mengimbau kembali kenangan ramai peserta ketika zaman kanak-kanak yang tidak sabar menunggu ketibaan trak MILO® di sekolah. "Dulu kami sangat teruja apabila tahu trak MILO® akan sampai dan kami siap berlumba sesama sendiri semata-mata untuk mendapatkan minuman MILO® terlebih dahulu," katanya sambil ketawa.

Turut hadir bersama beliau ialah rakan-rakannya iaitu Nurul Nabilah Nahrawi, Budisetiawan Julkarnain dan Tengku Afiq Tengku Khairul Faizi. Kesemua mereka berharap untuk menyertai lebih banyak lagi acara MILO® Malaysia Breakfast Day pada masa akan datang kerana menyifatkan acara seumpama ini sebagai satu sambutan yang memberi inspirasi terhadap persahabatan, kesihatan dan semangat komuniti.

MILO® Malaysia Breakfast Day akan meneruskan siri jelajahnya ke Kuala Terengganu (Terengganu), Kuching (Sarawak), Kuantan (Pahang) dan Kota Bharu (Kelantan) sebelum melabuhkan tirainya di Putrajaya pada 12 Julai 2026.

\*\*\*\*\*

### **Mengenai MILO®**

MILO® ialah minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia yang digemari kerana kehebatan rasanya yang tersendiri. Dipenuhi dengan khasiat kebaikan barli malt, susu dan koko dengan adunan unit 6 vitamin dan 3 mineral, MILO® telah membekalkan tenaga kepada juara sejak turun-temurun, memberikan dorongan untuk mereka terus melangkah lebih jauh. Selama lebih 70 tahun, MILO® telah melangkah maju seiring Malaysia dan memainkan peranan penting dalam usaha membina warisan sukan negara, menyediakan pemakanan dan juga platform kepada para atlet untuk mencapai kejayaan dan meningkat naik menerusi pelbagai program sukan akar umbi MILO®.

### **Mengenai Nestlé Malaysia: Menjana Khasiat kepada Rakyat Malaysia sejak Lebih Satu Abad**

Sejak tahun 1912, Nestlé telah menjana khasiat kepada rakyat Malaysia dan membina kepercayaan mereka melalui jenama dan produk berkualiti kami. Kami menyumbang kepada keselamatan makanan serta kepada kesihatan dan kesejahteraan Rakyat melalui jenama yang dipercayai dan komitmen jangka panjang kepada negara dalam bentuk pelaburan, pekerjaan, dan pelbagai inisiatif yang meningkatkan komuniti tempatan. Hari ini, kami mengendalikan enam kilang, dengan lebih daripada 5,000 pekerja rakyat Malaysia. Kami komited menghasilkan produk yang disahkan halal, berkhasiat, dan berkualiti tinggi dengan kelestarian sebagai teras amalan perniagaan kami – buatan Malaysia, untuk rakyat Malaysia.

Sebagai pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia, dengan ibu pejabat yang berpusat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara. Dengan mempunyai tenaga kerja lebih daripada

270,000 yang berdedikasi, kami didorong oleh matlamat untuk meneroka potensi makanan, meningkatkan kualiti hidup untuk semua, baik hari ini mahupun untuk generasi akan datang. Komitmen kami terhadap nutrisi, kesihatan, dan kesejahteraan membentuk prestasi kami, memastikan kami kekal menunaikan janji, iaitu menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang perjalanan kami selama satu abad dalam memberi khasiat kepada rakyat Malaysia, sila lawati laman web kami di <https://www.nestle.com.my/ask-nestle/kami-nestle>.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456  
Bimbit +60 12-235 6865  
E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com)

**Myra Amier**

Perspective Strategies

Tel: +603 7491 3138  
Bimbit +60 12 644 0510  
E-mel: [shahira.amiera@perspective.com.my](mailto:shahira.amiera@perspective.com.my)